

# Misi Mahabbah Ummah USIM ke Seoul

**Seoul:** Seramai 22 pelajar tahun akhir Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai Kembara Mahabbah Ummah ke Bumi Seoul, Korea Selatan bagi mengenali budaya dan kehidupan masyarakat di sana.

Program enam hari anjuran Global Islamic Students Outreach (GISO) USIM itu turut membawa peserta mengunjungi dua universiti terkemuka di negara itu selain mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan serta ilmiah bersama-sama pelajar dan masyarakat Korea.

Pengarah program, Mud-

zfirah Abdul Halim, berkata antara aktiviti yang dijalankan ialah program Qurban Insaniah di Masjid Itaewon, aktiviti 'Wonder Korea' yang membawa misi menyebarkan dakwah Islamiyah di beberapa tempat menarik di Korea Selatan selain aktiviti 'Coffee House: AnnyeongHaseyo' bersama-sama pelajar tempatan di beberapa universiti terkemuka.

Katanya, aktiviti itu berjaya membina ukhuwah antara peserta dan masyarakat Korea tanpa mengira perbezaan latar belakang, agama dan budaya.

"Paling mengujakan ialah apabila dapat bera-

mah mesra dengan 30 pelajar Universiti Hankuk yang fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan Indonesia.

## Minoriti Islam

"Kami juga kagum dengan penduduk minoriti Islam di sana yang amat mementingkan aspek kebersihan, menepati waktu dan berdisiplin. Ini jauh berbeza dengan sikap segelintir masyarakat kita di Malaysia," katanya.

Mudzfirah berkata, kunjungan ke Seoul National University (SNU) pula disambut dengan kata-kata aluan berbahasa Melayu oleh pelajar SNU.

Katanya, peserta dibawa



Wakil peserta menyerahkan cenderamata kepada pengurusan Masjid Itaewon.

melawat sekitar universiti selain bertukar pendapat bersama-sama Majlis Pimpinan Pelajar universiti itu.

"Kami turut mengadakan sesi perbincangan santai bersama-sama Imam Besar Masjid Itaewon dan wakil Per-

satuan Muslim Korea (KMF), namun sarat dengan perkongsian yang ternyata membuka mata serta minda peserta agar lebih menghargai dan menghayati kebebasan dalam mempraktikkan agama masing-masing

tanpa sebarang halangan. "Sumbangan berupa 30 naskah al-Quran dan 20 naskah risalah bercetak dalam dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Korea turut disalurkan kepada Masjid Itaewon," katanya.



Sebahagian daripada peserta Kembara Mahabbah Ummah ke Bumi Seoul.